

MENELUSURI PENDEMOKRASIAN DI MALAYSIA: IMPAK TERHADAP PENCAPAIAN INTEGRASI NASIONAL

*Jazimin Zakaria¹, Sity Daud²

¹Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Malaysia

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author's email: jazim668@tganu.uitm.edu.my

Submission date: 15 Feb 2018

Accepted date: 15 April 2018

Published date: 20 May 2018

Abstract

This article is the result of a study carried out on the level of national integration within the context of democracy. For a multi-ethnic country, achieving a full democracy is invariably a formidable challenge. Social exclusivity and surrounding factors such as socio-economy and socio-politics appear to among the major hurdles against the effort to realize a full national integration, more so countries used to be under colonial yoke for a considerable time. Malaysia, as one of those countries, eventually accepts the impact of colonialism that, among others, has inadvertently changed much of its social landscape. However, the protracted bargaining process between the ethnics has helped to bring about political stability to the country for many years. Yet, globalization still has managed to induce changes within the system of democracy so much so that it has significantly affected the level of national integration of the society. As such, this qualitative study seeks to identify key problems that stand in the way of full national integration that is in congruence with the principles of democracy. Based on the analysis done over primary and secondary data obtained, this study argues that liberal democracy had impacted national integration through, among others, 'soft assimilation method' seen as more than capable of reinforcing unity among multi-ethnics' society of Malaysia.

Keywords: Democracy, national integration, assimilation

Abstrak

Artikel ini adalah hasil daripada kajian ke atas tahap integrasi nasional dalam konteks demokrasi. Bagi sebuah negara yang bersifat plural dari sudut etnik, mencapai demokrasi merupakan usaha yang sukar. Keterbatasan sosial dan faktor persekitaran seperti sosio-ekonomi dan sosiopolitik muncul sebagai halangan utama dalam mencapai tahap integrasi di peringkat nasional seperti yang diidam-diamkan oleh sebuah negara bekas penjajahan. Walaupun Malaysia menerima impak penjajahan yang telah merubah lanskap sosialnya namun rundingan dan penawaran antara etnik telah Berjaya membawa kepada kestabilan politik di negara ini. Namun begitu selepas sistem demokrasi diresapi oleh pengaruh global ia telah meninggalkan kesan yang begitu besar kepada tahap integrasi nasional di kalangan masyarakat. Oleh itu kajian yang dijalankan secara kualitatif ini bertujuan mengenalpasti masalah utama dalam menuju integrasi nasional secara tuntas tanpa mengurangkan prinsip demokrasi. Hasil daripada analisa ke atas sumber dan data primari dan sekunder yang diperolehi, artikel ini mengenalpasti bahawa demokrasi

liberal telah memberi kesan kepada integrasi nasional di mana, antara lain, kaedah 'asimilasi lunak' dilihat sebagai mampu mengukuhkan lagi perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Katakunci: Demokrasi; integrasi nasional; asimilasi;

1.0 PENGENALAN

Malaysia telah mewarisi sistem pemerintahan daripada British selepas kemerdekaan 1957. Kemenangan ke atas penentangan Malayan Union pada 1946 akhirnya membawa kepada rundingan kemerdekaan yang membentuk ciri-ciri sebuah negara sehingga hari ini. Penggubalan perlembagaan oleh Suruhanjaya Reid dan kronologi mewujudkan sebuah negara yang merdeka dihiasi dengan rundingan dan tolak ansur yang sangat tinggi. Hal ini termasuk hak-hak kewarganegaraan dan penerimaan bukan Melayu ke dalam tanah Tanah Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan pada 1948. Namun kelahiran Persekutuan Tanah Melayu sehingga mencapai kemerdekaan adalah hasil persefahaman yang datang dari kontrak sosial yang dipersetujui oleh kaum Melayu dan bukan Melayu. Malah persefahaman ini juga telah menjadi sumber konflik bagi hubungan antara kaum di negara ini.

Dalam pada itu cabaran demokrasi yang diterima melalui globalisasi dunia secara tidak langsung telah merubah persepsi masyarakat terhadap demokrasi. Doktrin demokrasi yang bertujuan untuk memilih pemimpin telah terkesan dengan pengaruh demokrasi barat yang mengangkat hak asasi manusia ke tahap yang sangat tinggi. Isu-isu kemanusiaan seperti kebebasan, kesaksamaan hak, kesamarataan dan keadilan mula menjadi asas perjuangan masyarakat sivil dan parti-parti politik bagi sesebuah negara. Keadaan ini tidak terkecuali bagi Malaysia dan negara-negara di seluruh dunia yang lain. Hal ini turut mengancam kepada kontrak sosial yang diamalkan dalam perlembagaan sekaligus menyumbang kepada keretakan hubungan atau integrasi kaum di negara ini. Oleh itu kajian ini melihat sejauhmanakah perjuangan atas nama pendemokrasian memberi impak kepada keharmonian dan integrasi nasional masyarakat Malaysia yang bersifat plural ini.

2.0 METODOLOGI

Kajian telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian perpustakaan telah dilakukan melalui sumber-sumber buku, jurnal, data sekunder, dokumen-dokumen kerajaan dan laporan kes-kes yang berkaitan dengan bidang kajian. Selain itu kaedah temubual turut digunakan kepada tujuh responden bagi melengkap dan mengukuhkan lagi dapatan kajian. Responden yang telah dipilih mengikut empat kriteria utama seperti penggubal dasar, agensi pelaksana, ahli akademik dan masyarakat sivil. Hasil temubual telah dianalisa mengikut tema dan objektif kajian.

3.0 LATAR BELAKANG

Pendemokrasian merupakan proses yang melunaskan prinsip demokrasi dalam sebuah sistem politik negara yang terdiri daripada hak untuk berpolitik, hak kesaksamaan, pilihanraya yang adil dan pematuhan undang-undang. Ia juga dilihat sebagai adaptasi model demokrasi dalam sistem pemerintahan secara beransur-ansur sehingga membentuk sebuah negara demokrasi. Namun pada peringkat awal demokrasi hanya membawa maksud pemilihan pemimpin dan pembuatan keputusan bagi sesuatu dasar yang merakamkan hasil persefahaman atau consensus yang bersifat majoriti. Menurut Parenti (2002), demokrasi merupakan kebebasan untuk didengar dan bebas dari penindasan ekonomi dan sosial. Ia juga turut menggambarkan persamaan hak dan keadilan. Selain itu Miroff, Seidelman, Swanstrom, & Luca,(2010) melihat pendemokrasian adalah proses membuat keputusan dan sejauhmana keputusan tersebut adil dan menjamin hak untuk semua. Di sini jelas menunjukkan elemen demokrasi barat yang

menonjolkan kebebasan dan kepentingan hak asasi ke peringkat maksimum. Kebanyakan tokoh sarjana Barat melihat demokrasi secara liberal kepada hak asasi universal manusia. Namun konsolidasi demokrasi tidak ditekankan agar ia lebih difahami bentuk dan cabaran yang wujud bagi sesebuah negara. Malah idea demokrasi liberal ini dijadikan sebagai satu perbandingan yang tidak adil kepada negara-negara membangun dan bekas penjajahan.

Justeru model demokrasi yang dibawakan oleh negara Barat dan Eropah rata-rata memberikan gambaran yang positif terhadap kemakmuran ekonomi dan sosial. Bagi negara Asia pula model demokrasinya mempunyai nilai dan cirinya tersendiri yang jelas tidak seperti demokrasi liberal Barat. Kenyataan Fukuyama (1992) dalam karya *The End of History and The Last Man* yang jelas mengangkat demokrasi Barat sebagai model terbaik bagi sebuah sistem politik yang sering berkiblatkan barat sebagai contoh kejayaan sistem tersebut. Menurut beliau pasca Perang Dingin merupakan kejayaan perang doktrin politik yang hanya meninggalkan ruang untuk demokrasi liberal Barat yang tetap subur dan relevan. Walaupun penulisan beliau memberikan hujah yang agak kuat, Fukuyama tidak melihat secara spesifik dari sejarah penjajahan dan kesan kapitalisme barat yang masuk melalui demokrasi liberal yang diagung-agungkan. Justeru Huntington (1996) turut memberi respon kepada idea Fukuyama bahawa liberal demokrasi tidak terhenti di situ selepas perang dingin malah ia membawa kepada fenomena semulajadi konflik yang wujud bukan lagi tentang ideologi dan praktis tetapi lebih kepada budaya dan agama. Malah Chua (2003) menyatakan bahawa kapitalisme melalui demokrasi barat telah memberikan kesan besar kepada hubungan etnik dalam komposisi masyarakat yang bersifat plural. Menurut Chua (2003), kapitalisme hanya mewujudkan kebencian melalui dominasi ekonomi dalam sebuah negara yang berbilang etnik. Pandangan Horowitz (2000) juga bersetuju bahawa konflik etnik bukan sahaja melibatkan soal persaingan kuasa malah ia bermula dengan dominasi ekonomi yang akhirnya mendatangkan prejudis.

Dalam konteks kajian demokrasi di Malaysia, ia mempunyai peringkat-peringkat tertentu yang bermula seawal kemerdekaan 1957. Ia dapat difahami melalui tempoh kepimpinan politik oleh Tunku Abdul Rahman sehingga Najib Razak. Setiap kepimpinan ini membawa bentuk demokrasi yang berbeza bersama dengan acuannya tersendiri. Bagi sebuah negara bekas penjajahan dan campuran sistem tradisional, ia meruntun satu proses yang rumit. Demokrasi di Malaysia tidak seperti di negara lain yang banyak mencerminkan bentuk-bentuk liberal demokrasi barat. Konsolidasi demokrasi dengan sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen tidak membentuk sepenuhnya demokrasi liberal seperti yang disebut oleh Fukuyama tetapi lebih mirip kepada separa demokrasi atau demokrasi authoritarian (Case, 2009; Zakaria, 1997; Milne & Mauzy, 1999). Malah Levitsky & Way (2002) turut melihat Malaysia bukan sebuah negara demokrasi kerana sering mencabuli prinsip-prinsip demokrasi. Secara jelasnya transisi demokrasi bagi negara bekas penjajahan tidak sesuai dibandingkan dengan model demokrasi liberal barat kerana ciri-ciri dan latarbelakang yang jauh berbeza. Hal ini jelas dengan kewujudan perkara sensitif dalam Perlembagaan Persekutuan yang bersifat afirmatif seperti hak istimewa Melayu (Perkara 153), bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi (Perkara 152), Islam sebagai agama rasmi persekutuan (Perkara 3) dan kedaulatan raja-raja Melayu (Perkara 181). Selain itu hak-hak bukan Melayu turut dijamin melalui hak kebebasan dan hak warganegara yang termaktub dalam perlembagaan tersebut. Walaupun begitu peruntukan seperti ini sering menerima interpretasi negatif dan dilihat bercanggah dengan konsep kesaksamaan jika dilihat dari sudut demokrasi liberal. Oleh itu konsolidasi prinsip demokrasi tersebut harus melalui proses penyesuaian agar ia lebih stabil dipraktikkan di negara-negara bekas kolonial (Linz & Stepan, 1996; Diamond, 1998). Malah Mahathir telah menekankan bahawa demokrasi Malaysia merupakan demokrasi Asia yang mempunyai ciri-ciri tertentu dan tidak boleh sama sekali mirip demokrasi liberal barat yang mengagungkan hak asasi secara total (Francic & Khoo, 2002). Namun kajian ini tidak sesuai dilihat melalui konsep demokrasi secara umum. Ia harus dilihat dari sudut demokrasi dan integrasi nasional yang mampu menjawab persoalan kajian. Oleh itu kajian Rabushka dan Shepsle (1972); Horowitz (2001); Chua (2003) ; Husin (2015) lebih sesuai untuk dibincangkan bagi memahami perkaitan demokrasi dan integrasi sosial antara etnik.

Di samping menjadi sebuah negara yang bermodelkan demokrasi, Malaysia ialah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain etnik minoriti. Dalam sebuah negara yang berkomposisikan masyarakat plural integrasi nasional merupakan jambatan yang sangat signifikan bagi mewujudkan kestabilan politik. Hal ini memberi jaminan kepada dasar dan program pembangunan untuk dicapai. Oleh yang demikian Mahathir selaku perdana menteri Malaysia telah melaksanakan demokrasi yang lebih terkawal bagi memastikan integrasi nasional dipelihara sekaligus melancarkan dasar pembangunan (Sity, 2003; Slater, 2012). Selain itu di awal kepimpinan negara yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman telah menggunakan elemen kawalan terhadap demokrasi seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Hasutan 1948. Ia bertujuan untuk memelihara keamanan selepas kemasukan komunis ke dalam negara (Comber, 2011). Namun beliau telah gagal memastikan keamanan tersebut dari berpanjangan dengan tragedi 13 Mei 1969. Kejadian tersebut merupakan indikator kepada kelemahan dasar sosial dan ekonomi pada era kepimpinan beliau. Kehilangan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional (BN) telah membawa kepada pengurangan kerusi parlimen sekaligus menjadi pencetus kepada konflik etnik yang dahsyat. Seterusnya kepimpinan Razak telah menyaksikan pelaksanaan MAGERAN yang berjaya menyelesaikan masalah pertikaian Melayu-Cina pada ketika itu. Kemudian ia disusuli dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 yang bermatlamatkan pembasmian kemiskinan dan penstrukturan semula masyarakat. Razak melihat faktor utama konflik etnik atau kaum ialah jurang sosial dan ekonomi yang sangat luas antara etnik. Di samping itu identifikasi ekonomi melalui kaum telah menyumbang kepada prejudis antara etnik dan akhirnya membawa kepada rusuhan kaum terbesar dalam sejarah Malaysia (Husin, 2015). Oleh itu dengan pelaksanaan DEB ia mampu menangani dan mencegah tragedi tersebut daripada berlaku lagi.

Menurut Amri (2014), Malaysia belum lagi mencapai tahap perpaduan bagi sebuah negara. Perihal hubungan antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini hanya berada pada tahap kesepaduan. Maka integrasi nasional adalah pendekatan yang perlu dilakukan bagi mencapai perpaduan. Integrasi nasional merupakan integrasi sosial di peringkat kebangsaan atau negara. Ia juga didefinisikan sebagai percampuran elemen tertentu dari pelbagai etnik atau kaum. Dalam proses integrasi sosial penerimaan dan kemasukan budaya merupakan asas utama bagi integrasi berlaku. Oleh itu bagi sebuah negara yang bersifat plural adalah sangat penting toleransi dan percampuran budaya berlaku dan tidak menghilangkan identiti setiap etnik yang wujud.

Di samping itu bagi melihat hubungkait kajian demokrasi dan integrasi nasional adalah perlu untuk memahami peristiwa atau insiden perkauman yang telah berlaku sebelum ini. Integrasi nasional di Malaysia telah melalui banyak fasa semenjak merdeka. Walaupun 13 Mei 1969 adalah tragedi terbesar konflik etnik dalam sejarah Malaysia namun ia hanyalah rentetan konflik etnik yang pernah berlaku sebelum ini seperti 1959 di Pulau Pangkor, 1964 Bukit Mertajam, 1965 Singapura dan 1969 Pulau Pinang (Comber, 2011). Malah selepas 1969 di Kuala Lumpur, negara masih lagi tidak sunyi dari rusuhan kaum seperti insiden Kampung Rawa 1998, Kampung Medan 2001 dan rusuhan di Plaza Low Yat 2015. Selain itu turut juga muncul protes dari kaum tertentu atas kebimbangan mereka dengan masalah sosial dan ekonomi seperti protes di Tokong Thean Hou pada 1987 oleh kaum Cina tentang isu bahasa dan pendidikan Cina, demonstrasi Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu atau HINDRAF 2007 oleh kaum India dan Perarakan Baju Merah di Petaling Street oleh kaum Melayu pada tahun 2015. Kejadian-kejadian ini tidak termasuk kes-kes kecil yang berlaku disebabkan salah faham seperti di sekolah dan media sosial. Insiden dan perkara ini jelas menunjukkan tahap integrasi nasional masyarakat negara ini masih lagi di peringkat sederhana. Kemampuan masyarakat negara ini untuk memahami dan bertoleransi masih lagi dikaitkan dengan sentimen perkauman dan gagal ditangani dengan baik.

Walaupun begitu terdapat tiga faktor utama yang secara asasnya menyumbang kepada konflik etnik. Pertama ialah batasan sosial yang wujud dari perbezaan nilai dan identiti sesebuah etnik atau kaum (Mansor, 2012; Husin, 2015). Perbezaan seperti bahasa budaya agama adalah perkara yang sering mengundang konflik jika tidak ditangani dengan baik. Maka ciri-ciri masyarakat plural itu sendiri telah

menjadikan usaha integrasi nasional semakin kompleks (Rabushka & Shepsle, 1972). Bagi sebuah negara demokrasi hal ini merupakan halangan utama dalam proses demokrasi. Pencapaian demokrasi dalam mengangkat kesaksamaan sering diwarnai dengan sentimen keetnikan. Walaupun terdapat sarjana yang tidak bersetuju dengan Rabushka dan Shepsle, seperti (Case, 2009; Reiley, 2000; Fish & Kroenig, 2006). Namun ia mampu ditangani dengan demokrasi permuafakatan oleh Lijphart (1977) yang menyajikan demokrasi kerjasama etnik melalui elit politik yang mewakili kaum tertentu. Dengan cara ini ia akan mewujudkan perundingan dan penawaran bagi setiap etnik sekaligus dapat mengelakkan konflik kepentingan (Amri, 2014). Dari sudut pengurusan konflik etnik, Kruezer (2006) melihat Malaysia telah mencapai tahap tinggi kerana walaupun terdapat konflik etnik dalam tempoh selepas kemerdekaan, Malaysia masih mampu mengekalkan kestabilan politik di samping memacu pembangunan. Integrasi kaum yang diuruskan oleh kepimpinan politik parti pemerintah membuktikan toleransi tahap tinggi dengan melihat jaminan hak-hak etnik lain selain bumiputera turut dipelihara dalam perlembagaan negara.

Kedua; ketidakseimbangan sosio-ekonomi. Hal ini merupakan faktor klasik yang wujud di semua konflik etnik. Penguasaan atau dominasi ekonomi oleh etnik-etnik tertentu sehingga membuka jurang sosio-ekonomi yang besar antara etnik sering membawa kepada prejudis kepada etnik yang lebih tinggi taraf hidupnya. Pengagihan sumber kekayaan yang gagal dibuat secara adil dan saksama menjadikan etnik yang berada dibawah garis kemiskinan cenderung untuk berkonflik kerana tekanan hidup dan mobiliti sosial yang terhad (Horowitz, 2000; Chua, 2003; Jomo & Wee, 2013; Amri, 2014; Husin, 2015). Menurut Chua (2003), dominasi etnik dalam ekonomi merupakan fenomena yang berlaku di seluruh dunia. Penguasaan ekonomi 10 peratus atau lebih bagi sebuah etnik minoriti berbanding etnik majoriti mencetuskan ketegangan etnik yang cenderung untuk menyalahkan etnik yang lebih tinggi kelasnya. Sejarah 13 Mei 1969 dan Kampung Medan 2001 berkongsi faktor yang sama iaitu masalah sosioekonomi. Pendidikan yang rendah menyukarkan perubahan kepada taraf hidup yang lebih baik (Husin, 2015). Malah keadaan ini dirumitkan lagi penindasan oleh majikan atau golongan kapitalis kepada kemelesetan hidup mereka. Chua melihat Filipina, Indonesia dan Malaysia merupakan contoh yang jelas bagi menggambarkan konflik etnik yang wujud dari ketidakseimbangan ekonomi. Selain itu dengan keadaan ketinggalan dari mobiliti sosial ini ia memberi ruang kepada ahli-ahli politik untuk mendapatkan sokongan undi dalam persaingan politik mereka dan menyumbang kepada keretakan hubungan kaum (Mansor, 2012; Jomo & Wee, 2013; Wade, 2014).

Jadual 1: Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah Mengikut Etnik dan Strata, Malaysia, 1970-2012
Mean monthly gross household income by ethnicity, strata and state, Malaysia, 1970-2012

	1979	1984	1987	1989	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007	2009	2012
Malaysia	678	1098	1083	1169	1563	2020	2606	2472	3011	3249	3686	4025	5000
Etnik													
Bumiputera	492	844	868	940	1237	1604	2038	1984	2376	2711	3156	3624	4457
Cina	1002	1552	1488	1631	2196	2890	3738	3456	4279	4437	4853	5011	6366
India	756	1107	1105	1209	1597	2140	2896	2702	3044	3456	3799	3999	5233
Lain-lain	1475	2957	2922	955	4548	1284	1680	1371	2165	2312	3561	3640	3843
Strata													
Bandar	1045	1573	1488	1606	2050	2589	3357	3103	3652	3956	4356	4705	5742

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU)

Berdasarkan jadual di atas pendapatan isi rumah mengikut kaum masih lagi terdapat jurang yang jauh. Ketidakeimbangan ini mencatatkan pendapatan kaum Cina hampir 30 peratus lebih tinggi daripada kaum Melayu malah kaum India pula mencatatkan perbezaan pendapat mencecah 15 peratus lebih tinggi dari kaum Melayu. Berdasarkan tiga kaum utama, kaum Melayu masih lagi di tempat ketiga berbanding kaum bukan Melayu. Di samping itu walaupun selepas tamat tempoh pelaksanaan DEB pada akhir 1970an, tahap ekonomi antara kaum masih menunjukkan perbezaan ketara. Hal ini turut juga membuktikan bahawa DEB tidak hanya membantu kaum Melayu malah ia bersifat menyeluruh untuk semua kaum.

Ketiga sosialisasi politik; dalam konteks Malaysia sosialisasi politik di negara ini diwarnai dengan ciri-ciri etnopolitik atau politik berasaskan etnik. Etnopolitik telah lama wujud sebelum merdeka lagi terutama sekali dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Penubuhan UMNO, MCA, MIC, DAP atau parti yang mewakili kaum jelas menunjukkan ia satu mekanisme yang sering digunakan dalam sosialisasi politik tempatan (Wade, 2014). Setiap etnik mempunyai isu politik yang dimainkan dan isu-isu ini sering dieksploitasi demi meraih sokongan (Husin, 2015). Selain itu sosialisasi politik juga sering dikaitkan dengan hegemoni politik dalam persaingan politik domestik. Sebarang usaha yang ditimbulkan merupakan usaha ke arah hegemoni sesuatu parti politik untuk pengekalan kuasa pemerintah dan sokongan. Maka melalui hegemoni ini ia secara tidak langsung menggunakan etnopolitik untuk meneruskan legasi penguasaan (Chandra, 2008). Menurut kajian Scarritt et al (2001), pendemokrasian bagi sebuah negara yang bersifat etnopolitik cenderung untuk berada dalam konflik. Berdasarkan hasil kajian kepada negara-negara Afrika yang berada dalam transisi demokrasi, protes dan demonstrasi kerap berlaku. Hal ini kerana terdapat etnik minoriti yang merasa dipinggirkan dari pembangunan dan nasib mereka diperjuangkan oleh ahli politik dari etnik yang sama. Justeru penerapan nilai-nilai demokrasi yang bersifat liberal telah memberi ruang untuk mereka menyuarakan pandangan sehingga mencetuskan ketegangan.


4.0 DEMOKRASI DAN INTEGRASI NASIONAL

4.1 Pengenduran Kawalan

Dalam transisi dan konsolidasi demokrasi di sesebuah negara, ia boleh dilihat melalui pengenduran kawalan dari pemerintah. Pemansuhan undang-undang yang memberikan rakyat lebih ruang untuk bergerak dan bersuara adalah sebahagian daripada kaedah melunaskan prinsip-prinsip demokrasi kepada rakyat. Dalam konteks Malaysia, pemansuhan ISA, pindaan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak, Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan penggubalan Akta Perhimpunan Aman 2012 jelas memberikan demokrasi lembaran baru dalam sejarah politik negara. Walaupun ia diganti dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), ia masih memberi kesan besar terhadap kebebasan bersuara kepada semua rakyat. Pemansuhan ISA dan Akta Buang Negeri dan Akta Perhimpunan Aman 2012 merupakan langkah berani Najib Razak dalam merealisasikan demokrasi di negara ini. Keadaan ini tidak pernah berlaku melalui kepimpinan sebelum ini yang sering menggunakan ISA dan Akta Hasutan bagi tujuan kawalan kepada dasar dan menghindarkan kritikan kepada pemerintah. Semasa era Mahathir, negara telah menyaksikan ISA telah digunakan dengan sepenuhnya dalam menangani konflik politik dan cabaran kepada beliau (Khuo, 2002). Malah ia jelas dilihat dalam Operasi Lalang dan reformasi oleh Anwar Ibrahim selaku timbalan perdana menteri yang mencabar kepimpinan beliau (Mustafa, 2002). Di samping itu Mahathir turut menggunakan media sebagai kawalan ke atas isu yang dianggap menjejaskan keselamatan nasional dan menyokong kepada tindakan beliau dalam keputusan beliau sebagai perdana menteri (Zaharom, 2002). Selepas

kepimpinan Mahathir, Abdullah telah membuka lembaran baru pendemokrasian negara ini dengan dasar lunak beliau terhadap perkembangan media baru. Hal ini jelas dengan memberi kebenaran kepada media alternatif seperti Malaysiakini bagi mengadakan liputan pada program anjuran beliau (Ismail, 2014).

Walaupun bagaimanapun pengendalian kawalan ini telah memberikan kesan terhadap integrasi nasional. Semenjak penghapusan ISA, pindaan Akta Media Cetak dan Penerbitan dan Akta Buang Negeri pada 2012. Kes-kes yang melibatkan perkara sensitif atau yang bersifat sentimen kerap dilaporkan. Menurut statistik kertas siasatan berkaitan kes hasutan (Rajah 1), tiga kes utama yang boleh membawa kepada konflik kerap dilaporkan iaitu Institusi raja, perkauman dan agama yang mewakili 43 peratus kes keseluruhan. Bagi kes-kes lain ia kebanyakan berpunca dari kes-kes terpencil seperti kemalangan, penipuan, hutang dan lain-lain lagi. Namun begitu jumlah kes hasutan yang berkaitan perkara sensitif kerap membawa kepada kejadian yang lebih besar dan luar dari kawalan. Kes-kes seperti pergaduhan di Sungai Petani dan rusuhan Plaza Low Yat telah tercetus hasil daripada insiden kecil. Malah demonstrasi yang bermula dengan aman seperti BERSIH dan perarakan Baju Merah turut terdedah kepada risiko keganasan yang membawa kepada isu perkauman. Justeru kes-kes seperti menjadi lebih serius sehingga melibatkan skala yang lebih besar apabila ia disensasikan dengan media sosial dan teknologi.



Rajah 1: Kertas Siasatan Berkaitan Kes Hasutan 2010 Sehingga 2016
Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Kebebasan bersuara yang mempertikaikan hak istimewa dan perkara sensitif telah mencetuskan konflik etnik yang tiada kesudahan. Kebebasan bersuara yang termaktub dalam perkara 10 menggariskan limitasi seperti institusi Raja, agama Islam, bahasa Melayu dan hak istimewa Melayu. Namun demikian pertikaian hak kebebasan dan kesaksamaan ini sering menjadi sumber konflik sejak awal pembentukan negara. Selepas kemasukan Singapura ke dalam Malaysia pada 1963, Lee Kuan Yew selaku pemimpin Parti Tindakan Rakyat atau PAP kerap mempertikaikan dasar afirmatif (Perkara 152, Perkara 153) yang terdapat dalam perlembagaan. Lee mengkritik secara terang-terangan dalam media cetak dan mempersoalkan sejarah kedatangan Melayu ke Malaysia. Hal ini telah menaikan kemarahan kaum Melayu dan menjatuhkan populariti MCA sebagai parti yang membela nasib kaum Cina. Perang media yang membawa idea “Malaysian Malaysia” telah menjejaskan keharmonian antara kaum sehingga mencetuskan rusuhan kaum di Singapura pada tahun 1964 (Comber, 2011).

Selain itu isu dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan turut menjadi isu hangat yang telah membawa kepada perhimpunan protes pada tahun 1987 di Tokong Thean Hou oleh lebih 10 000 kaum Cina. Perhimpunan tersebut telah menyaksikan penyertaan lebih sepuluh persatuan Cina yang diketuai oleh Dong Jiao Zhong, ahli-ahli akademik Cina, DAP, MCA dan GERAKAN. Protes yang diadakan bertujuan

menunjukkan bantahan ke atas Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dilihat meminggirkan budaya kaum Cina dan isu pendidikan Cina yang kurang mendapat perhatian dari kerajaan (Tan, 2014). Walaupun begitu Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah mempamerkan inklusifnes dengan mengangkat semua budaya kaum lain di negara ini. Hal ini tidak dipersetujui oleh kebanyakan kaum Cina yang melihat budaya Melayu sebagai asas budaya negara ini dan telah merendahkan martabat budaya kaum Cina (Tan, 2014; Mustafa, 2014). Keadaan salah faham dan ketegangan yang timbul telah menjejaskan keharmonian antara kaum Melayu dan Cina sehingga membawa kepada operasi Lalang pada tahun tersebut. Di samping itu protes HINDRAF pada 2007 turut mencetuskan ketegangan berikutan perobohan kuil oleh pihak berkuasa tempatan. Namun ia tidak berhenti di situ sahaja apabila pemimpin HINDRAF turut mendakwa kaum Melayu melakukan pembersihan etnik terhadap kaum India di Malaysia. Kenyataan berbaur kebencian tersebut telah mencetuskan ketegangan antara kaum India dan Melayu sehingga membawa kepada penangkapan 130 orang peserta HINDRAF dan pemimpin mereka (Azizudin, 2010).

Dalam pada itu elemen kawalan yang lebih longgar dilihat sebagai kehendak-kehendak demokrasi yang harus diberikan kepada rakyat. Namun pelonggaran kawalan masih tertakluk kepada limitasi kebebasan hak yang termaktub dalam perlembagaan. Oleh itu kebebasan hak yang dijamin dalam Perkara 8 dan 10 memberikan ruang yang besar kepada rakyat sebagai hak kewarganegaraan. Walaupun begitu terdapat perkara-perkara sensitif atau dasar afirmatif kaum Melayu yang dilindungi haknya dalam perlembagaan sepertimana yang dipersetujui dalam kontrak sosial semasa penerimaan kaum Melayu dan bukan Melayu demi kemerdekaan. Pertikaian yang sering timbul ialah daripada kebangkitan masyarakat sivil dan ahli politik yang gemar membahaskan isu-isu seperti ini dalam kempen politik mereka. Hal ini dirumitkan lagi serangan balas dari parti-parti politik yang bercirikan etnik sehingga memberi kesan kepada integrasi nasional.

Walaupun begitu kebangkitan masyarakat sivil merupakan penanda aras tahap demokrasi di sesebuah negara. Meskipun begitu perkembangan masyarakat sivil dan gerakan mereka mempunyai ruang yang kecil dalam konteks Malaysia bersama kawalan atas nama kestabilan politik (Verma, 2002). Namun begitu selepas pemansuhan ISA, banyak NGO dan pusat kajian bukan kerajaan telah ditubuhkan. Melalui institusi ini, suara dan gerakan masyarakat sivil semakin kuat kedengaran dalam isu pertikaian hak asasi manusia dan kritikan kepada dasar awam. Tuntutan dan protes mula menunjukkan ruang demokrasi telah dibuka seperti kehadiran BERSIH dan HINDRAF (Weiss, 2014). Namun begitu kebebasan yang dilonggarkan ini telah menyaksikan protes HINDRAF yang mempersoalkan institusi raja dan hak istimewa Melayu. Malah Perjuangan hak yang asasi telah memandu gerakan hak asasi manusia untuk bersama memberi isyarat pencabulan hak asasi telah berlaku dan bergabung dengan parti pembangkang sehingga merubah lanskap pilihanraya 2008 (Weiss, 2014). Namun begitu dalam konteks Malaysia, trend perjuangan masyarakat sivil dalam bentuk NGO dan lain-lain telah mula menampakkan ciri-ciri etnosentriksme. Matlamat pejuangan badan-badan bebas dan berkecuali serta NGO lebih fokus memperjuangkan bangsa atau kaum sendiri. Menurut Lemiere (2014), masyarakat sivil sememangnya petunjuk kepada demokrasi tetapi ia masih lagi dibelengu oleh parti politik untuk kepentingan tertentu. Dalam konteks Malaysia masyarakat sivil ia tidak dapat lari dari ikatan sentriksisme yang sering menjadi mekanisme mobilisasi pengundi mengikut kaum. Justeru kehadiran Dong Jiao Zhong, Pertubuhan Pribumi Perkasa atau PERKASA, HINDRAF dan ISMA merupakan contoh perjuangan yang jelas mewakili kepentingan kaum tertentu.

5.0 ASIMILASI LUNAK MENCAPAI INTEGRASI NASIONAL


Konflik etnik di Malaysia kebanyakannya berpunca daripada batas sosial yang wujud dalam segenap aspek. Perbezaan budaya, bahasa dan agama jelas memberikan satu jurang etnik yang sukar dinafikan. Namun kebanyakan kajian-kajian lepas telah membuktikan kejayaan integrasi nasional mampu dicapai walaupun wujud batas sosial di kalangan masyarakat plural. Model integrasi nasional Asia dan Eropah

telah menunjukkan salah satu usaha bagi mencapai integrasi nasional ialah melalui asimilasi. Asimilasi adalah satu proses yang bertentangan dengan integrasi dalam mewujudkan perpaduan masyarakat di negara ini. Hal ini kerana ia dikhuatiri akan menghilangkan identiti sesuatu etnik atau kaum dan menjadikan etnik majoriti sebagai nilai dominan dalam masyarakat. Tetapi ia mampu dicapai dengan dasar yang lebih lunak dalam konteks Malaysia pada hari ini. Negara ini tidak perlu melakukan asimilasi paksaan seperti yang terdapat di Thailand dan Indonesia. Malah ia tidak perlu kepada demokrasi etnik seperti cadangan Smooha (1997) sepertimana yang telah berjaya di Israel, Latvia dan Georgia. Namun ia masih boleh dilakukan dengan mengambil aspek-aspek tertentu dalam batasan sosial sebagai mekanisme untuk integrasi nasional.

Menurut Parekh (2001), integrasi nasional yang ingin dicapai harus mempunyai beberapa syarat yang penting bagi memastikan ia berjaya dilaksanakan. Pertama; memberikan sepenuh kesetiaan kepada negara yang didiami. Kedua; tidak melihat kepada negara asal atau negara lain sebagai ukuran. Ketiga; penyertaan dalam masyarakat negara yang didiami dengan mengambilkira nilai dan budaya setempat sebagai sebahagian daripada nilai mereka. Berdasarkan ketiga-tiga syarat tersebut, unsur utama yang lahir daripadanya ialah kepercayaan. Kepercayaan adalah isu utama dalam mencapai integrasi. Walaupun pelbagai usaha untuk mencapai kesepaduan sosial namun usaha ini dihalang oleh kepercayaan antara etnik yang berbeza. Dalam konteks Malaysia, sejarah pembentukan masyarakat dan negara ini mempunyai kronologi yang rumit. Kebanyakan usaha integrasi telah digagalkan oleh sosioliasi politik dan sikap etnosentrik yang menebal dalam batas sosial setiap etnik (Mansor, 2012).

Oleh yang demikian asimilasi secara lunak harus dilakukan bagi tujuan kejayaan integrasi nasional sekaligus membawa kepada perpaduan negara. Sepertimana yang dibincangkan pada peringkat awal asimilasi lunak harus dilakukan kepada elemen tertentu sahaja sebagai mekanisme integrasi. Sebagai contoh pendidikan dan bahasa. Sejarah pendidikan Malaysia yang terdiri dari dua sistem iaitu kebangsaan dan vernakular telah memisahkan masyarakat dari sudut pergaulan dan pemikiran. Peluang untuk memahami satu sama lain telah dilepaskan di peringkat awal kehidupan bermasyarakat setiap etnik. Menurut Easterly (2006), pendidikan sangat penting bagi memahami satu sama lain. Ia bukan sahaja memberikan pengetahuan kepada tanggungjawab setiap etnik malah ia membantu dalam proses perbincangan mengenai kontrak sosial yang terbina dalam masyarakat. Selain itu Green & Yu (2006) mengatakan bahawa pendidikan mempunyai perkaitan yang sangat signifikan kepada proses asimilasi dan mewujudkan hubungan yang positif di antara penduduk tempatan dengan pelbagai etnik. Melalui kesaksamaan pendidikan, ia akan mewujudkan kesepaduan sosial yang lebih kuat dan mengurangkan prejudis (Putnam, 2000; Heynemen, 2000).

Penyeragaman bahasa dilihat sebagai mekanisme integrasi nasional adalah sangat signifikan. Hal ini bertepatan dengan kajian Yaacob et. al (2011) yang menunjukkan bahasa memainkan peranan penting dalam integrasi kaum terutama sekali bagi pelajar di institusi pengajian tinggi. Seramai 76.2 peratus bersetuju bahawa bahasa Melayu dapat merapatkan hubungan antara kaum. Setiap pelajar dari etnik berbeza mereka lebih selesa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar dan menjadikan hubungan antara kaum menjadi lebih rapat. Malah Heyneman (2000) menyatakan bahawa bahasa menjadi asas dalam mencari persamaan dari perbezaan dalam masyarakat yang berbilang etnik. Hal ini kerana kekurangan atau ketiadaan identiti yang sama akan memberikan peluang kepada ahli politik untuk mengeksploitasi perbezaan tersebut sekaligus mencetuskan konflik. Justeru bagi mewujudkan negara bangsa dengan penyatuan etnik yang berbeza latarbelakang, bahasa adalah mekanisme yang penting untuk tujuan integrasi (Abdul Rahman, 2015; Mustafa, 2014).



Rajah 2: Proses Asimilasi & Integrasi Masyarakat ke Arah Demokrasi
Sumber: Pengkaji

Berdasarkan rajah 2, bagi mencapai demokrasi yang lebih mampan tanpa menjejaskan integrasi nasional ialah asimilasi. Proses ini telah ditinggalkan oleh dasar dan struktur kenegaraan baik dari masyarakat sivil mahupun elit politik setiap etnik. Ketidakpercayaan telah mengisi lompong-lompong integrasi yang tidak lengkap melalui pendemokrasian. Keadaan ini telah menyumbang kepada konflik dan mewujudkan sikap prejudis yang menebal. Menurut Chandra (Temubual, 1 Jun, 2016), “Malaysia adalah sebuah negara yang melakukan penerimaan tanpa asimilasi. Pada hari ini demokrasi yang datang telah menjadi satu cabaran besar bagi setiap etnik di negara ini apabila etnik-etnik minoriti mahu mengekalkan identiti masing-masing dengan begitu kuat tetapi pada masa yang sama mereka berkehendakan hak kesaksamaan”. Hal ini jelas telah menimbulkan konflik di kalangan kaum Melayu dan bukan Melayu. Oleh itu integrasi nasional harus dicapai melalui asimilasi secara lunak bagi mewujudkan kepercayaan yang kuat walaupun ia terkesan dengan pendemokrasian. Justeru asimilasi yang berlaku mampu memberikan perkembangan demokrasi yang lebih sihat seperti perlantikan Obama sebagai presiden Amerika Syarikat dan Sadiq Khan sebagai datuk bandar London yang berasal dari keturunan imigran di negara kulit putih. Justeru pemilihan mereka secara demokrasi adalah bersumberkan kepercayaan yang kuat hasil daripada asimilasi generasi awal yang menghapuskan elemen sentrikisme sebagai warganegara.

6.0 KESIMPULAN

Pendemokrasian di Malaysia telah melalui fasa-fasa tertentu dan tidak berlaku secara revolusi. Dasar dan proses demokrasinya berlaku secara incremental dan memerlukan tempoh yang panjang. Selain itu ia perlu dilakukan secara berhati-hati bagi mengelakkan konflik yang mampu merosakkan kestabilan yang telah dibina semenjak kemerdekaan. Walaupun terdapat sejarah konflik etnik dari masa ke semasa. Ianya jelas berpunca dari pendemokrasian yang meninggalkan aspek-aspek penting dalam sejarah dan struktur politik tanah air. Keterbatasan sosial dan sosialisasi politik adalah faktor utama yang perlu diambil kira dalam konteks pendemokrasian. Limitasi kepada pertikaian hak atau perjuangan yang melunaskan prinsip demokrasi harus berpandukan integrasi nasional. Hal ini kerana tanpa kestabilan politik dan integrasi yang kuat dasar-dasar pembangunan akan sukar untuk dilaksanakan.

Di samping itu kelemahan dan kegagalan dalam membuat keputusan untuk mencapai matlamat integrasi telah menimbulkan masalah utama apabila ia berdepan dengan resapan doktrin-doktrin liberalisme yang

datang bersama globalisasi. Maka kajian ini menjelaskan bahawa demokrasi liberal telah memberi kesan kepada integrasi nasional. Justeru ia telah mengganggu proses demokrasi Malaysia yang memerlukan kepada kompromi tahap tinggi. Oleh yang demikian proses asimilasi mampu memberikan kekuatan kepada masyarakat berbilang kaum menjadi lebih kukuh. Elemen kepercayaan yang timbul secara tidak langsung mewujudkan integrasi nasional yang lebih mampan untuk dasar pembangunan dan kemajuan negara sekaligus menghilangkan tembok prejudis antara kaum.

Rujukan

- Anuar, M.K., (2002). Defining democratic discourses: the mainstream Press. Dlm Francis Loh kok Wah & Khoo Boo Teik (Eds), *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices* (hlm. 138-164). New York: Routledge.
- Baharuddin, S.A., & Yusoff, A.Y., (2014). Perpaduan kesepaduan penyatupaduan: satu negara, satu akar, tiga konsep keramat. Institut kajian Etnik (KITA). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Baharuddin, S.A., (2008). Hubungan Etnik Di Malaysia: Mencari dan Mengekalkan Kejernihan dalam Kekeruhan. *Siri kertas kerja kajian etnik UKM, bil 1, Institut Kajian Etnik (KITA). Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*.
- Baharuddin, S.A., (2010, Oktober). Unity in diversity: The Malaysian Experience. *Siri kertas kajian etnik UKM bil 13. Institut kajian etnik (KITA). Bangi*.
- Case, W. (2009). Low-quality democracy and varied authoritarianism: Elites and regimes in Southeast Asia today. *The Pacific Review*, 22 (3): 255–269.
- Chua, A. (2003). *World on fire: How Exporting free market democracy breeds ethnic hatred and global instability*. New York: Anchor Books.
- Comber, L. (2011). *Peristiwa 13 Mei Sejarah perhubungan Melayu-Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Daud, S., (2003). *Negara pembangunan Malaysia: daripada dasar ekonomi baru kepada dasar pembangunan nasional* (tesis Phd) Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Malaysia.
- Diamond, L. (1998). *Developing democracy: toward consolidation*. Baltimore: John Hopkin University press.
- Easterly, W., Ritzen J., & Woolcock, M. (2000). On “Good” Politician and “Bad” Policies-social chesion, institution, and growth. *Policy research working paper series 2448*, Washington, DC: World bank.
- Embong, A.R., (2015). *Negara-bangsa: proses dan perbahasan (2nd ed.)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Favell, A. (2001). Integration policy and integration research in Europe: A Review and Critique. *Citizenship today: global perspectives and practices*, 349: 351-52.
- Fee, L.K., & Appudurai, J. (2011). Race, Class and Politics in Peninsular. Malaysia: The General Election of 2008, *Asian Studies Review*, March, Vol. 35, pp. 63–82.

- Fish, M. S. & Kroenig, M. (2006). Diversity conflict and democracy. Some evidence from uerasia and east europe. *Democratization*, 13(5),828–842. doi: 10.1080= 13510340601010735 # 2006 23 Februari 2015.
- Francis, L.K.W., & Khoo B.T., (2002). *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*. New York: Routledge.
- Fukuyama, F. (1992). *The End of History and The Last man*. United States: Free Press.
- Green, E., & Xie, Y. Population Studies Center. (2006). Is assimilation theory dead? The effect of assimilation on adolescent well-being (Report 06-605). University of Michigan: Institute for social research.
- Heyneman, S.P. (June, 2000). From the Party State to Multiethnic Democracy: Education and social cohesion in europe asia. *Educational evaluation and policy analysis*, vol. 22, no 2, 173-191.
- Horowitz, D. L. (1989). Cause and Consequence In Public Policy Theory: Ethnic Policy and System Transformation in Malaysia. *Policy Sciences*, 22 (3-4): 249-287.
- Horowitz, D. L. (2001). *The deadly ethnic riot*. United States of America: University of California Press.
- Huntington, S.P. (1991). *The third wave: democratization in the late twentieth century*. United States: University of Oklahoma Press.
- Husin, S, Ali. (2015). *Ethnic relations in Malaysia harmony & conflict*. Kuala Lumpur: Strategic information & research Development Centre Malaysia.
- Ismail, M.T., (2014). *Saga Neokonservatif: Abdullah Badawi UMNO dan Konservatisme*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, M.T., (2014). *Saga Neokonservatif: Abdullah Badawi UMNO dan Konservatisme*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James R, Scarritt, J.R. (September, 2001). The Interaction Between Democracy And Ethnopolitical Protest And Rebellion In Africa. *Comparative Political Studies*, Vol. 34 No. 7, 2001 800-827.
- Khalid, M.A., (2014). *The Colour of Inequality Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*. Petaling Jaya: MPH publishing.
- Kreuzer, P. (2006). *Democracy, Diversity, And Conflict Managing Ethnic Divisions In The Philippines And Malaysia*. Peace Research Institute Frankfurt: Cornell University.
- Lemiere, S. (2014). Gangsta and politics in Malaysia. dlm sophie lemiere (Eds), *Misplaced democracy. Malaysia politics and people* (hlm. 91-108). Kuala Lumpur: Strategic Information & Research Development Centre Malaysia.
- Levitsky, S. and Way, L.A. (2002). Elections without Democracy: the rise of competitive authoritarianism. *Journal of Democracy*, Volume 13, Number 2.
- Lijphart, A. (1977). *Democracy in plural society: A comparative exploration*. New haven, Ct: Yale University Press.

- Linz, J.J & Stepan, A. (1996). *Problems of Democratic Transition and Consolidation: Southern Europe, South America, and Post-Communist Europe*. United States: John Hopkin university press.
- Milne, R.S. and D.K. Mauzy. (1999). *Malaysian politics under Mahathir* . London: Routledge.
- Miroff, B., Seidelman, R., Swanstrom, T., & Luca,D, T. (2010). *The democratic debate: American politics in an age of change* (5th ed.). United States: Wadsworth Cengage Learning.
- Mohamed,M., (2017, February 16). Former Prime Minister of Malaysia. Personal Interview. Putrajaya.
- Mohamad,M., (2007). Legal coercion, legal meanings and UMNO's legitimacy. Dalam Edmund Terence Gomez (Eds), *Politics in Malaysia the malay dimension*. hlm. 24-49. Singapore: Routledge.
- Muzaffar,C., (2008). *Hegemony: Justice; Peace*. Selangor: Arah publication.
- Noor,M,M., (2012). Kerencaman sosial dan penipisan batas etnik: kepelbagaian etnik dan perkongsian hidup bersama di Malaysia. Syarahan umum perdana Jawatan Profesor ukm Bangi.
- Noor,M,M., (2010). *Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Leary, B.(Eds)(2005). *From Power Sharing to democracy: post conflict institutions in ethnically divided societies*.Canada: Mcgill-Queen University Press.
- Parekh, B. (2005). Unity and diversity in multicultural societies. Lecture delivered at the International Institute for Labour Studies, Geneva. Retrieved from <http://www.ilo.org/public/english/bureau/inst/download/1parekh.Pdf>.
- Parenti, M. (2002). *Democracy for the fews*. United States: Thomson Learning.
- Putnam, R. (2000). *Bowling Alone: The Collapse and Renewal of American Community*. New York: Simon & Schuster.
- Rabushka, A & Shepsle, K.A. (1972). *Politics in plural societies: A theory of democratic instability*. United States of America: Macmillan Publishing Company incorporated.
- Reilly, B. (2000). Democratic ethnic fragmentation, internal conflict: Confused theory, Faulty data and the "crucial case" of papua new guinea. *International security*, 25(3). 162-185.
- Slater, D. (2003) 'Iron cage in an iron fist: authoritarian institutions and the personalization of power in Malaysia', *Comparative Politics* 36(1): 81-101.
- Smooha, S. (Eds)(1997). *The Viability of Ethnic Democracy as Mode of Conflict Management: Comparing Israel and Northern Ireland. Comparing Jewish Society*. Michigan: University of Michigan Press.
- Sundaram,J,K., Hui,W,C., (2014). *Malaysia@50: Economic development, distribution, disparities*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

- Tan Yao Sua. (2014). *Pendidikan cina di malaysia: Sejarah, politik dan gerakan perjuangan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Teik,K,B., (2002). Nationalism , capitalism and ‘Asian values’. Dlm Francis Loh kok Wah & Khoo Boo Teik (Eds), *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices* (hlm. 51-73). New York: Routledge.
- Vidhu Verma. (2002). *Malaysia, state and civil society in transition*. London: Lynne Rienner Publishers.
- Wade, G. (2014). The origins and evolution of ethnocracy in Malaysia. Dlm. Sophie Lemiere (pnyt.). *Misplaced democracy. Malaysia politics and people*. page. 3-26. Kuala Lumpur: Strategic information and development centre Malaysia.
- Weiss, M. L. (2009). Edging Toward A New Politics In Malaysia: Civil society at the gate? *Asian Survey*, Vol. 49, Issue 5, pp. 741–758.
- Weiss, M.L. (Eds.)(2014). *Electoral Dynamics In Malaysia: Finding from the grassroots*. Malaysia: Strategic information and research centre (SIRD).
- Ya’acoba,A., Awala,N,A,M., Idrisa,F., Hassana,Z., Kaura,S., Noora,M,M., (2011). *The role of the language of unity at higher education institution: Malaysian experience*. 1877–0428 © 2011 Published by Elsevier. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 15: 1457–1461.
- Zaharom Nain. (2002). The structure of media industry: implications for democracy. Dlm Francis Loh kok Wah & Khoo Boo Teik (Eds), *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices* (hlm. 111-137). New York: Routledge.
- Zakaria, F. (1997). The rise of illiberal democracy. *Foreign Affairs*. Dimuat turun 30 Jun 2016.